




MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Perbezaan Talian Litar Suwa (Leased Line) Jalur Lebar (Broadband)

Talian Suwa (leased line)

Talian Suwa (*leased line*) ialah litar telekomunikasi persendirian antara dua atau lebih lokasi yang disediakan mengikut kontrak komersial. Kelajuan muat naik (*upload*) dan muat turun (*download*) sama atau hampir sama. Ia kadangkala juga dikenali sebagai litar persendirian. Biasanya, talian suwa (*leased line*) digunakan oleh perniagaan untuk menghubungkan pejabat yang jauh dari segi geografi




Sumber : Internet

Grafik : Jabatan Teknologi Maklumat MPKlang

Jalur Lebar (Broadband)

Jalur lebar (*Broadband*) ialah penghantaran data lebar jalur (*bandwidth*) melalui sambungan internet berkelajuan tinggi. Jalur lebar (*Broadband*) menyediakan akses internet berkelajuan tinggi melalui pelbagai jenis teknologi termasuk gentian optik, wayarles, kabel, DSL dan satelit. Kelajuan muat naik (*upload*) dan muat turun (*download*) tidak sama.



Sumber : Internet

Grafik : Jabatan Teknologi Maklumat MPKlang